

# Daim Menteri Kewangan terbaik sejak merdeka

UM - 4 JUN 2001

KUALA LUMPUR 3 Jun — Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin menyifatkan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan terbaik nernah dilahirkan oleh negara sejak merdeka.

Menurut beliau, ia terbukti apabila negara berjaya melahirkan ramai golongan profesional Melayu yang berjaya sepanjang Daim memegang jawatan tersebut.

Beliau berkata, idea yang dicetuskan oleh Daim berjaya membuka dimensi baru kepada usahawan Melayu untuk terus bersaing dalam dunia perniagaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Kawan dan lawan tidak dapat menafikan sumbangan Daim terutama pada ketika negara berada da-

lam kegentingan," katanya kepada *Utusan* hari ini.

Beliau mengulas peletakan jawatan Daim yang berkuat kuasa kelmarin.

Surat peletakan jawatannya diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tanpa menyatakan sebab-sebab tindakan itu diambil.

Mengulas lanjut, Zainuddin berharan Daim akan terus member-i sumbangan kepada negara walaupun berada di luar kerajaan.

Ini kerana, katanya, buah fikirannya masih diperlukan dalam membangunkan ekonomi negara.

"Daim merupakan seorang Menteri Kewangan yang paling berwibawa yang pernah dilahirkan oleh negara ini.

"Setiap langkah yang di-

ambil memperlihatkan beliau adalah seorang yang berpandangan jauh," katanya.

Zainuddin berkata, kehadiran semula Daim dalam kabinet pada tahun 1998 telah menampakkan ekonomi negara kembali stabil ketika mengharungi zaman kegawatan pada ketika itu.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan keputusan yang diambil oleh Daim adalah wajar dalam menutup segala bentuk fitnah dan tohmahan yang dilemparkan oleh pihak tertentu terhadapnya.

"Sebagai seorang yang setia kepada negara, tidak mungkin Daim akan menghancurkan apa yang telah dibinanya," tambah beliau.